

RENUNGAN KED **NOVEMBER 2016**

Tema : Kerahiman Orang-orang Kudus

Fokus: Menanggung dengan sabar mereka yang menganiaya kita.

Lagu Pembukaan :

Doa Pembukaan –

Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan.

Kehidupan Kita

Maria Goretti berusia 12 tahun ketika dia meninggal dunia pada tahun 1902, tetapi cerita tentang budak perempuan berbangsa Italia ini menyentuh hati para pengikut Katolik di seluruh dunia selama hampir 100 tahun . Ibu-Bapa Maria adalah petani sewaan yang bekerja kuat menanam tanaman di tanah yang mereka sewa . Ketika Maria berusia 9 tahun, bapanya meninggal dunia . Dan ibu nya berpindah ke sebuah keluarga di sebuah bangunan di mana keluarga lain juga hidup di tempat itu – seorang bapa dan anak lelakinya. Nama anak lelaki itu adalah Alessandro.

Maria menjaga rumah dan adik perempuannya ketika ibu , kakak dan abangnya bekerja di ladang. Dia takut akan Alessandro yang berumur 20 tahun itu. Lelaki itu berusaha untuk menyentuh dan menciumnya. Dan Maria mencuba untuk menghentikannya. Dia faham akan ajaran Tuhan akan hidup kita atas nilai sebuah kesucian dengan menghormati dan menghargai kurnia kita dalam seksualiti. Maria berusaha untuk menjaga kesuciannya. Alessandro marah . Alessandro mengancam untuk membunuhnya. Maria mencuba untuk menghindar daripadanya dan berusaha untuk tidak pernah bersendirian dengannya.

Suatu hari ketika Maria mendukung adik perempuannya, Alessandro mendapatkan Maria sedang bersendirian dan memaksa Maria secara fizikal. Semasa Maria menolaknya, dia menusuk Maria sebanyak 14 kali dengan pisau. Maria meninggal dunia pada esok harinya selepas dia mengatakan kepada ibunya bahawa dia mengampuni Alessandro. Dia menerima Komuni Kudus sebelum dia meninggal dunia.

Di dalam mahkamah, Alessandro di dapati bersalah dan di hukum selama 30 tahun penjara. Pertama dia marah, namun kemudian dia mula merasa bersalah dan berduka atas dosanya . Dia berkata bahawa dalam mimpinya Maria melawatnya dan memberi dia bunga lili. Dia berubah dan mula bersikap baik terhadap orang lain . Ketika dia bebas dari penjara, pertama kali yang dia lakukan adalah melawat ibu Maria untuk meminta pengampunan. Kemudian dia hidup bersama para Biarawan Fransiskus sebagai seorang awam, yang bekerja sebagai tukang kebun dan melakukan kerja-kerja kasar lainnya.

Maria di kanonisasi sebagai seorang Santa pada tahun 1950. Ibu Maria dan Alessandro menghadiri upacara kanonisasi itu di Roma.

Pertanyaan-pertanyaan untuk di kongsi :

1. Apa yang sangat menyentuh anda dalam cerita kehidupan Santa Maria Goretti ?
2. Di dalam hening, fikirkan setiap orang di dalam kehidupan anda yang anda susah untuk mengampuni dan berdoa untuk orang ini ?

Mendengar Firman Tuhan : (Mat 6:9 –15)

Sepatutnya kamu berdoa begini, Ya Bapa kami yang di syurga, Engkaulah Allah yang Esa, semoga Engkau di sembah dan dihormati. Engkaulah Raja kami. Semoga Engkau memerintah di bumi, dan seperti di syurga, kehendak-Mu ditaati. Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami kehilangan iman ketika dicubai, tetapi selamatkanlah kami daripada kuasa Si Jahat. (Engkaulah Raja yang berkuasa dan mulia untuk selama-lamanya. Amin.) Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapa kamu yang di syurga pun akan mengampunkan kesalahan kamu. Tetapi jika kamu tidak mengampunkan kesalahan orang lain, Bapa kamu yang di syurga tidak akan mengampunkan kesalahan kamu juga.”

Renungan :

- Diamlah selama satu minit dan membenarkan Tuhan untuk bercakap dengan anda.
- Memilih perkataan atau frasa pendek daripada teks di atas dan mengulanginya sebanyak tiga kali.
- Berkongsi dengan orang lain perkataan atau frasa yang telah menyentuh anda dan mengapa ?

Hidup Dalam Kasih.

Ketika Sta . Maria di kenal di seluruh dunia sebagai Santa Pelindung Kesucian, nilai agungnya adalah sikap pantang menyerahnya dalam mengampuni penganiayanya semasa dia sangat menderita kerana kesakitan fizikal. Pengampunan ini menjadikan Alessandro secara menyeluruh bertukar dan menetapkan dia ke dalam laluan menjadi peribadi yang kudus.

Kristianiti mengekalkan pengampunan sebagai pusat kerukunan . Sesungguhnya, memang untuk berkongsi bersama kita akan pengampunan Allah Bapa di mana Kristus menjadi manusia dan mengalami penyeksaan dan kematian. Pengampunan adalah kemenangan Tuhan, mahkota iman Kristiani.

Kebanyakan , pengampunan nampaknya mustahil. Bagi umat Kristian, bagaimanapun, adalah sebuah konfigurasi peribadi yang mendalam kepada seorang yang kita kasih,iaitu : Yesus Kristus. Bukan hanya sebagai sebuah syarat dari Yesus (Mat 6:14) , tetapi juga yang mana kita perlu mencontohi – Nya sebagai sumber Kerahiman dan Pengampunan dari Allah Bapa sendiri.

*Ampunilah kesalahan kami seperti kamipun mengampuni yang bersalah kepada kami.
Aksi kukuh apa yang dapat saya lakukan untuk menanggung dengan sabar mereka yang menganiaya kita ?*

Doa Penutup :

Menjemput seorang ahli KED yang lain untuk mengucapkan doa Penutup .

Lagu Penutup :

Doa Sto. Fransiskus

Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai-Mu
Di mana terdapat kebencian
Biar cinta ku taburkan.

Tuhan supaya daku mencari
Lebih menghibur daripada dihibur
Lebih mencintai dari dicintai
Lebih mengerti dari dimengerti

Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai-Mu
Di mana terdapat penghinaan
Biar ampun ku tunjukkan (#)

Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai-Mu
Di mana terdapat keraguan
Biar iman ku sampaikan (#)

Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai-Mu
Di mana terdapat kegelapan
Biar cahaya ku pancarkan (#)

Buah Fikiran :

Kadang-kadang betapa susahnyanya mengampuni! Namun pengampunan adalah alat yang ditempatkan ke dalam tangan kita yang lemah untuk mendapatkan ketenangan hati. Melepas amarah, murka, kekerasan, dan balas dendam adalah kondisi-kondisi yang diperlukan untuk hidup dengan penuh sukacita. Kerana itu marilah kita mengikuti nasihat Rasul Paulus : “ Janganlah marah sepanjang hari .” (*Ef 4:26*). Terutama , marilah kita mendengarkan kata-kata Yesus yang menjadikan kerahiman sebagai sebuah ideal kehidupan dan sebuah kriteria untuk kredibiliti iman kita : “ Berbahagialah orang yang mengasihani orang lain, Allah juga akan mengasihani mereka! ” (*Mat 5:7*): Sabda Bahagia yang kepadanya seharusnya secara khusus kita cita-citakan di Tahun Kudus ini. ... Yesus meminta kita juga mengampuni dan memberi. Menjadi alat kerahiman kerana kitalah yang pertama kali menerima kerahiman dari Allah . Bermurah hati dengan orang lain, mengetahui bahawa Allah menghujani kebaikan-Nya atas kita dengan kemurahan hati yang besar.

- Paus Fransiskus , MV #9, 14.